

25/10/1997

Asia wajar bersatu kukuhkan ekonomi

BURSA Saham Hong Kong adalah pusat perdagangan bentuk British yang cukup teratur dan menjadi contoh seluruh Asia. Tetapi kelmarin, ia jatuh meredum akibat serangan ke atas mata wang tempatan. Kesannya dirasai pasaran kewangan seluruh dunia. Nilai saham yang jatuh 10.4 peratus di Hong Kong, menyebabkan pemegang saham panik dan menjual saham mereka, pertama di Jepun dan kemudian di bursa saham Eropah. Wall Street turut mengalami keadaan yang sama. Indeks Nikkei Tokyo jatuh tiga peratus, indeks terkemuka London 3.1 peratus, DAX di Jerman 3.6 peratus. Purata indeks Dow Jones di New York menurun pada 2.3 peratus atau 186.88 mata pada 7,847.77. Kayu ukur pasaran lain turut mencatat kerugian yang sama. Bursa lebih kecil seperti di Brazil dan Mexico menghadapi tekanan getir dengan catatan kejatuhan lima peratus atau lebih.

Jelaslah, krisis ekonomi Thailand, yang sebelum ini dianggap kejadian terpencil, sudah melarat ke Asia Tenggara dan kini menimpa Hong Kong pula. Satu demi satu negara ini melihat nilai mata wang mereka jatuh, diikuti dengan kejatuhan di pasaran saham. Hong Kong cuba menyekat arah aliran yang dialami di Asia Tenggara itu dengan ikrar menyokong mata wangnya. Kadar faedah dinaikkan kepada 300 peratus. Tetapi pelabur bertindak balas dengan memaksa harga saham Hong Kong turun atas kebimbangan bahawa kadar faedah yang tinggi bermakna keuntungan lebih rendah bagi syarikat kewangan dan hartanah yang menjadi tulang belakang bursa itu.

Sudah ada tanda krisis ekonomi ini akan berlarutan. Tetapi sama ada Asia akan mengalami kejatuhan bentuk V dan menikmati pemulihan yang dilihat di Mexico dua tahun lalu atau seperti pengalaman kebangkitan lembap Jepun pada tahun sebelum ini, banyak bergantung kepada dua perkara. Pertama, bantuan luar dan kedua, kesediaan negara yang dilanda krisis mengatur langkah berjimat-cermat yang biasanya perit dan pahit. Washington belum melihatkan petanda ia akan menghulurkan bantuan pemulihan atas alasan masalah di Asia Tenggara dan Asia tidak sama dengan di Mexico. Jadi Asia tidak boleh mengharapkan bantuan Amerika atau negara Barat. Apa yang boleh dilakukan oleh negara itu ialah melancarkan dasar ikat perut dan jimat-cermat, seperti yang diumumkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Belanjawan Malaysia baru-baru ini - ubat yang pahit tetapi mujarab.

Barangkali ramai bertanya mengapa Amerika Syarikat tidak menghulurkan bantuan kepada Thailand sewaktu dilanda krisis, seperti yang dilakukan di Mexico dulu. Bagi ramai orang, ia adalah ujian terhadap komitmen Amerika Syarikat. Sikap Amerika dan negara Barat itu membuatkan kita menyimpulkan Washington dan negara Barat sebenarnya mengalu-alukan krisis ekonomi itu. Ia semacam perang ekonomi yang direstui. Kita percaya, negara Asia akan lebih berhati-hati apabila membuka pasaran mereka pada masa depan. Ini amat jelas apabila ramai pemimpin Asia menyalahkan dasar terbuka dan tekanan untuk membenarkan lebih banyak saingan luar.

Ada banyak teori yang dikaitkan dengan krisis ekonomi ini. Mungkin tidak ramai yang sependapat dengan teori konspirasi Yahudi. Ramai juga yang sangsi ia dilakukan oleh spekulator penyangak seperti yang ditekankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Tetapi yang jelas, rata-rata kini ramai warga Asia percaya krisis ekonomi yang dialami negara di rantau ini adalah perang ekonomi yang dilakukan oleh negara maju terhadap ekonomi Asia yang bingkas. Hasrat Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya di Barat ialah mahu mencabut kuku 'harimau' Asia.

Namun ada juga rahmat di sebalik krisis ini. Kejatuhan nilai mata wang

negara Asia bermakna barangan keluaran Asia akan lebih kompetitif berbanding keluaran negara rantau lain. Ini boleh dijadikan senjata dalam perang ekonomi ini.

Langkah berhemat bermakna, negara di Asia akan mengurangkan import dan ini boleh mendatangkan kesan kepada negara Barat. Di samping itu, eksport boleh dijana hingga ke maksimum kepada harganya jauh lebih rendah. Untuk mengatasi serangan dalam perang ekonomi ini, negara Asia harus bersatu dan menggembelng tenaga untuk melindungi kepentingannya.

(END)